

13/06/2004

Tenet, Bush sepatutnya lakukan harakiri

By Munsyi

LAMAN web Asia Times, menyiarkan rencana bertajuk: "The first domino has fallen", ketika merujuk kepada peletakan jawatan Pengarah Agensi Perisikan Pusat Amerika, (CIA), George Tenet, 2 Jun lalu. Apa yang berlaku itu, kata laman itu mungkin satu permulaan tumbangnyanya seorang demi seorang konco Presiden George W Bush sehingga menjelang pilihan raya Presiden November depan. Pengunduran Tenet diikuti sehari kemudian oleh James Pavitt, timbalan pengarah operasi CIA yang bertanggungjawab terhadap perisik agensi itu.

MUNSYI: Manusia yang menaja dan bertanggungjawab hingga tergulingnya sebuah kerajaan, membiarkan kekejaman melampau dilakukan askar Amerika semata-mata untuk memaksa tahanan berbohong dan membuat pengakuan, akhirnya hanya meletak jawatan. Setelah segala pembohongan dan maklumat palsu menyebabkan Amerika terheret dalam kancang peperangan dan pembunuhan tidak berperikemanusiaan, Tenet diucapkan selamat tinggal oleh Bush. Begitu mudah sekali sedang bumi Iraq dibasahi darah pejuang mempertahankan maruah dan kedaulatan mereka daripada kezaliman Bush dan Tenet.

Sebagaimana kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad jika apa berlaku itu (pembohongan CIA) membabitkan menteri dan pemimpin Jepun, sudah lama mereka melakukan harakiri (membunuh diri menggunakan parang samurai untuk membelah perut). Inilah yang sepatutnya dilakukan Tenet. Apakah selepas ini Donald Rumsfeld diikuti Colin Powell pula harus pergi sedang nasib Bush ditentukan pada November ini sama ada beliau gulung tikar atau meratap melihat lebih banyak bungkusan plastik berisi mayat askar AS dibawa pulang dari Iraq.

Kini Bush seperti dilaporkan New York Times, sedang sibuk mendapatkan khidmat peguam berikutan penyiasatan siapa yang membocorkan nama Plame, isteri Joseph Wilson, bekas duta AS yang bertugas sebagai perisik CIA.

Wilson menuduh pegawai pentadbiran Bush mendedahkan identiti isterinya sebagai balasan selepas dia mempertikaikan tuduhan Saddam Hussein cuba membeli uranium dari Niger. Wilson melawat Niger pada awal 2002 bagi pihak CIA bagi menyiasat laporan Britain, kononnya Baghdad cuba membeli bahan membuat bom nuklear. Apabila dia melaporkan laporan itu tidak benar, dia dikecam. Sememangnya dalam senyap-senyap, isteri diplomat pun digunakan CIA untuk merisik. Mereka mungkin jujur mengorek maklumat tetapi CIA tetap mengkhianati mereka, rupanya.

(END)